

Dakwaan perjanjian gugat kedaulatan negara tak benar

MANFAAT DARI PEMBUKAAN PASARAN BAHARU MENERUSI TPPA: PRODUK ELEKTRIKAL & ELEKTRONIK

JUMLAH EKSPORT SEMASA KE PASARAN TPP

RM103.29 BILION

PEMANSUHAN TARIF SEBAIK TPPA DILAKSANAKAN



KANADA
100% SERTA MERTA
Sekarang 2% - 9.5%

1

AMERIKA SYARIKAT
99.8% SERTA MERTA
Bakinya dalam tempoh 10 tahun
Sekarang 0.4% - 15%

2

MEXICO
82.1% SERTA MERTA
Bakinya dalam tempoh 10 tahun
Sekarang 15% - 20%

3

PERU
82.8% SERTA MERTA
Bakinya dalam tempoh 10 tahun
Sekarang 0% - 9%

4

BH
24/1/16
mls 14

Penghapusan tarif dijangka akan menyaksikan PENINGKATAN EKSPORT PERANTI TELEKOMUNIKASI DAN PRODUK PENGGUNA KELUARAN MALAYSIA. Sektor pengeluaran produk elektrikal dan elektronik juga akan semakin rancak dalam menjana pekerjaan berpendapatan dan berkemahiran tinggi sejajar dengan Wawasan 2020.



“**la sengaja diperbesarkan pihak tertentu untuk mengganggu pelaksanaan TPPA sedangkan mereka tahu ia membawa manfaat kepada semua pihak**”

Ismail Mohd Said,
Timbalan Yang Dipertua
Dewan Rakyat

» Pihak tertentu perbesar isu ganggu pelaksanaan

Oleh Wan Kemat
bhnews@bh.com.my

► Temerloh

Dakwaan kononnya pelaksanaan Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) menjejaskan Perlembagaan Persekutuan, meningkatkan kuasa asing di negara ini dan menjejaskan peluang Bumiputera dalam perniagaan, perlu ditolak bulat-bulat.

Timbalan Yang Dipertua Dewan Rakyat, Datuk Ismail Mohd Said, berkata dakwaan pe-

laksanaan TPPA boleh mengugat kedaulatan negara dan melemahkan pertumbuhan ekonomi negara juga adalah tidak benar.

“Ia sengaja diperbesarkan pihak tertentu untuk mengganggu pelaksanaan TPPA sedangkan mereka tahu ia membawa manfaat kepada semua pihak.

Rancangkan pertumbuhan ekonomi

“TPPA merancangkan pertumbuhan ekonomi dan daya saing syarikat tempatan seperti dalam pengeluaran produk merangkumi perabot, kenderaan, maka-

nan dan pakaian,” katanya.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Kuala Krau ditemui selepas merasmikan majlis penerangan TPPA oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) di Dewan Sekolah Menengah Kuala Krau, dekat sini, semalam.

MITI diwakili Ketua Penolong Pengarah Kanan (Rundingan Strategik), Syahril Syazli Ghazali, yang memberi penerangan mengenai pelaksanaan TPPA kepada kira-kira 1,000 hadirin, termasuk ahli UMNO dan Barisan Nasional (BN) bahagian Kuala Krau, kakitangan jabatan dan agensi ke-

rajaan serta pemimpin masyarakat.

Ismail berkata, kerajaan mengadakan pelbagai kempen penerangan dan bengkel kepada Ahli Parlimen BN serta parti pembangkang, selain golongan peniaga, profesional dan ahli badan bukan kerajaan (NGO).

“Ia dapat membantu semua pihak memahami kebaikan pelaksanaan TPPA terhadap pembangunan ekonomi negara dan usaha kerajaan meningkatkan taraf hidup rakyat.

“Majlis penerangan ini turut diadakan di luar bandar supaya penduduk kampung juga memahami TPPA dan tidak mempercayai dakwaan memburukkan kerajaan.

“Rakyat tidak perlu bimbang kerana kerajaan menyediakan pelan pembangunan yang baik untuk kemajuan ekonomi di luar bandar,” katanya.



◀ Ayuh Malaysia, katakan ‘ya’ kepada TPPA - Rencana 27

TPPA tawar akses pasaran lebih luas

Kuala Lumpur: Industri minyak sawit, getah, perkayuan serta minyak dan gas Malaysia akan memperoleh manfaat daripada Perjanjian Perkongkisan Trans-Pasifik (TPPA) memandangkan ia menawarkan akses pasaran yang lebih luas.

Presiden Persatuan Penge-luar Sarung Tangan Getah Malaysia (MARGMA), Denis Low

Jau Foo, berkata TPPA akan menjamin pasaran tersedia, termasuk ekonomi terbesar dunia, Amerika Syarikat.

“Malaysia adalah negara perdagangan yang kecil, namun mempunyai industri yang sangat baik dengan ke-upayaan mengeluarkan barangan kepada dunia,” katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

Oleh itu, katanya, Malaysia perlu sentiasa menjalinkan Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) dan perjanjian perkongkisan yang boleh memenuhi keperluan perdagangan barangan keluaran negara ini.

“Misalnya, ketika ini Malaysia adalah pengeluar utama sarung tangan pemeriksaan perubatan dan pembedahan dunia, di samping berupaya

mengeluar 120 bilion unit pada 2015, bertambah kepada 135 bilion pada 2016.

“Malaysia sentiasa menguasai kira-kira 63 peratus daripada pengeluaran sarung tangan itu kepada pasaran dunia memandangkan kita mempunyai FTA dengan banyak negara dan dengan TPPA, prestasi itu akan menjadi lebih baik,” katanya. **BERNAMA**